

Bernama Radio24 (BR24) Memberi Liputan Menyeluruh Pada PRU13
Bernama
16 April, 2013

KUALA LUMPUR, 16 April -- Bernama Radio24 (BR24) akan memberi liputan menyeluruh Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) menerusi laporan langsung dari lapangan serta berita dan program bual bicara dari studionya di Wisma Bernama di sini.

Ketua Pegawai Operasinya, Azlan Idris berkata sejajar dengan slogan 'Bernama Radio24 - Stesen Pilihan Info PRU13 Anda', stesen milik Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) itu akan mula menghantar wartawan ke lokasi mulai Khamis ini.

"Mengenai laporan dari lapangan, kami akan menumpukan perhatian kepada beberapa kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang dianggap panas di Kuala Lumpur, Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Johor.

"Selain itu, wartawan dari Biro Bernama di seluruh negara akan memberi laporan langsung dari kawasan-kawasan lain," kata Azlan.

Di samping laporan dari lapangan, BR24 juga telah menyediakan beberapa segmen khusus untuk memberi maklumat lengkap kepada pendengar melalui frekuensi FM93.9 di Lembah Klang dan FM107.5 di Johor.

Pendengar dari kawasan lain boleh mengikuti penstriman audio melalui laman sesawang www.radio24.com.my dan aliran mudah alih www.radio24.ada.fm di telefon pintar.

Menurut Azlan, beberapa segmen sedia ada seperti Ala Carte Pagi yang ke udara pada pukul 8.30 pagi dan Dalam Radar pada 6.10 petang dari Isnin hingga Jumaat akan diisi dengan topik berkaitan PRU13.

"Program Dalam Radar telahpun membicarakan topik-topik berkaitan PRU13 sejak Dewan Rakyat dibubarkan pada 3 April lalu.

Manakala program Ala Carte Pagi akan mula menyentuh topik tersebut mulai 22 April hingga 3 Mei depan," jelas Azlan.

Mengenai segmen baru, Azlan berkata BR24 telah mula menerbitkan program bertajuk Bicara Negara dengan kerjasama Sekretariat Ilmuan Malaysia.

Bersiaran sejak 27 Disember 2012, program itu menampilkan tokoh-tokoh agama dan membincangkan isu-isu keagamaan di Malaysia.

Program tersebut ke udara setiap Khamis pada pukul 4.15 petang.

Antara isu yang pernah dikupas adalah 'Benarkah Apabila Parlimen Dibubarkan, Maka Kini Tiada Kerajaan? Tiada Khawarij?' oleh Ustaz Idris Sulaiman, 'Menyokong Kebaikan Yang Dilaksanakan Kerajaan' oleh Ustaz Dr Mohd Fadlan Mohd Osman, 'Taat Pemerintah Akidah Islam' oleh Ustaz Idris Sulaiman dan 'Malaysia Sebuah Negara Islam' oleh Ustaz Ahmad Fazrin Yahaya.

Turut mengisi siaran khas PRU24 ialah kapsul Tanah Tumpahnya Darahku yang menyiarkan cetusan rasa pelbagai golongan masyarakat terhadap negara.

Selain siaran melalui frekuensi di atas serta penstriman audio dan aliran mudah alih, Azlan berkata BR24 akan juga menyiarkan keputusan lengkap pilihan raya dalam laman sesawangnya serta mengemaskini keputusan itu melalui Facebook dan Twitter.

Berdasarkan pengalaman stesen itu mengendalikan liputan PRU12 pada Mac 2008, Azlan yakin BR24 akan dapat memenuhi keperluan pendengar bagi mendapatkan maklumat dan keputusan PRU13 dengan pantas.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=942310>